

Dr. M tokoh tunggal ucap di simposium ASEAN-Jepun

Daripada LOKMAN OTHMAN

UM 10 DEC 2003
FUKUOKA 9 Dis. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan tokoh tunggal yang dijemput untuk menyampaikan ucap utama pada Simposium Masa Depan Mesyuarat ASEAN-Jepun yang bermula di sini esok.

Dr. Mahathir dijangka menyampaikan ucapan sejam bertajuk 'Pandangan saya mengenai kepimpinan masa depan Asia-ke arah kestabilan'.

Antara lain kandungan ucapannya berkisar kepada cabaran-cabaran terkini dan masa depan negara-negara Asia dan ASEAN khususnya dalam menghadapi saingan globalisasi.

Beliau melihat pentingnya negara-negara ASEAN agar tidak bergerak bersendirian dalam menghadapi cabaran-cabaran berkenaan sebaliknya bersatu membentuk kekuatan tersendiri.

Dr. Mahathir dijangka turut menyentuh soal peranan yang boleh dimainkan oleh Jepun dalam membantu negara-negara ASEAN dalam menghadapi cabaran-cabaran berkenaan terutama dalam menyalurkan pelbagai bentuk kerjasama dan bantuan pembangunan.

Selepas menyampaikan ucapannya, Dr. Mahathir akan menjawab pelbagai persoalan dalam dialognya dengan para peserta.

Beliau kemudiannya akan ditemuramah oleh Badan Penyiaran Kusyu dan akhbar *Mainichi Shimbun*.

Selain itu, Ketua Puteri UMNO, Datuk Azalina Othman Said juga dijangka menjadi salah ahli panel pada forum yang diadakan sempena simposium sehari berkenaan.

Lain-lain ahli panel ialah Ahli Parlimen Parti Thai Rak Thai dari Thailand, Suranand Vejajiva, Ahli Parlimen Parti PDI Indonesia, Heri Ahmadi, Ahli Parlimen Parti LDP Jepun, Hayashi Yoshimasa dan Akiki Kato dari Universiti Keio yang bertindak sebagai koordinator.

Sementara itu Dr. Mahathir yang turut diiringi Toh Puan Dr. Siti Hasmah Ali selamat tiba di Lapangan Terbang Fukuoka kira-kira pukul 3.50 petang waktu tempatan.

Ketibaan mereka disambut beberapa pegawai Kedutaan Malaysia ke Jepun dan wakil pihak penganjur iaitu Kementerian Luar Jepun dan *Mainichi Shimbun*. — *Utusan*